



■ **IMBAS KEMBALI...**Ahmad Wardi (kiri) perlihatkan kehebatannya menentang Mohd Redzuan dari Singapura di Kejohanan Silat Sedunia.

PASUKAN PESILAT MELAKA

25 OCT 1988

Ahmad Wardi jadi jurulatih

B. Marlan (M)

JUARA Silat Sedunia Kelas B, Ahmad Wardi Salim, dipilih sebagai jurulatih pasukan Melaka ke Sukan Malaysia (Sukma) bulan depan, manakala ahli Jawatankuasa Majlis Silat Negeri Melaka (MSNM), Ismail Mohd Ali dipilih sebagai pengurus pasukan.

Setiausaha MSNM, Salim Kasim, berkata 11 pesilat akan mewakili negeri itu ke Sukma nanti, termasuk lima wanita. Tiga pesilat yang pernah menyertai beberapa kejohanan kebangsaan turut disenaraikan.

Mereka ialah S B Afit Buang (Kelas A), Abdul

Latif Jahaya (Kelas B) dan Hadilah Hasan (wanita Kelas B).

Salim berkata, Afit Buang pernah memenangi pingat emas di kejohanan peringkat kebangsaan.

"Pihak kami yakin, ketiga-tiga peserta itu akan memenangi pingat di Sukma nanti," katanya di Melaka semalam.

Ketika ini, peserta-peserta sedang giat menjalani latihan yang dikendalikan oleh Ahmad Wardi. Beliau berharap peserta-peserta yang terpilih menjalani latihan bersungguh-sungguh.